

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN CHARLES ANTHONY A/L SANTIAGO
(KLANG)**

TARIKH : 28 SEPTEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO [KLANG] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan perkembangan siasatan kes kematian dalam tahanan A Ganapthy dan Sivabalan Subramaniam, Surendran Shankar dan Umar Faruq Abdullah. Adakah Kerajaan sudi melaksanakan suatu Siasatan Awam (public inquiry) yang diketuai oleh SUHAKAM dan EAIC terhadap kes-kes tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Merujuk kepada kes A. Ghanapathy, siasatan telah selesai dan telah dirujuk ke Pejabat Pengarah Pendakwaan Negeri (PPN) Selangor dengan cadangan inkues. Pada 12 Julai 2021, keputusan untuk diadakan inkues telah diterima. Susulan itu PDRM telah mendaftar permohonan inkues di Mahkamah Koroner Shah Alam pada 30 Ogos 2021. Manakala bagi kes S. Sivabalan, Surendran Shanker dan kes Umar Faruq Abdullah, siasatan masih diteruskan dan akan dirujuk kepada Peguam Negara untuk arahan selanjutnya.

Tuan Yang Di Pertua,

Berdasarkan peruntukan undang-undang di bawah Kanun Tatacara Jenayah, inkues akan diadakan untuk menyiasat bila, di mana, bagaimana dan juga sama ada terdapat individu secara jenayah terlibat dalam menyebabkan kematian. Di bawah Seksyen 333 Kanun Tatacara Jenayah juga menyatakan, Majistret wajib mengadakan siasatan lebih mendalam jika tidak berpuas hati sebab kematian terutamanya dalam kes kematian mengejut. Keperluan untuk mengadakan inkues tertakluk kepada hasil siasatan menyeluruh dan lengkap pihak polis.

Sebarang cadangan untuk mengadakan siasatan awam adalah tertakluk kepada keperluan dan juga hasil siasatan yang menyeluruh bagi memastikan keadilan dapat dicapai.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. KELVIN YII LEE WUEN
[BANDAR KUCHING]**

TARIKH : 28 SEPTEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

DR. KELVIN YII LEE WUEN [BANDAR KUCHING] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status vaksinasi mereka yang meninggal disebabkan COVID-19 berdasarkan sama ada telah menerima dos 1 atau 2 dan beberapa hari selepas dos terakhir.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sehingga 22 September 2021, **bilangan kematian COVID-19** di Malaysia adalah seramai **24,565 orang** iaitu bersamaan dengan **1.15% dari jumlah kes positif COVID-19**.
2. Merujuk kepada data kematian COVID-19, daripada 31 Mac 2021 (berdasarkan daripada tempoh vaksinasi lengkap dari tarikh pemberian vaksin fasa pertama bermula di Malaysia):
 - i. **23.0%** (5431 kematian) adalah ***partially vaccinated***,
 - ii. **7.5%** (1751 kematian) adalah ***fully vaccinated***
3. Jika dibandingkan dengan **populasi Malaysia yang telah mendapat dua dos vaksinasi sehingga 22 September 2021** (iaitu 18,986,347 individu), kematian yang berlaku disebabkan oleh jangkitan COVID-19 dalam kalangan yang mendapat vaksinasi lengkap adalah **0.013%** bersamaan **130 orang** daripada sejuta populasi yang lengkap divaksinasi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL EMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID [KAPAR]

TARIKH : 28 SEPTEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapa angka sebenar pesakit COVID-19 dari kluster tempat kerja bagi kategori pembuatan (kilang).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bermula daripada 25 Januari 2020 sehingga 1 September 2021, sejumlah 1,301 kluster tempat kerja dengan 165,826 kes bagi kategori pembuatan (kilang) telah dilaporkan oleh KKM. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 53 kluster dengan 34,043 kes telah dilaporkan bagi tahun 2020 dan 1,248 kluster dengan 131,783 telah dilaporkan bagi tahun 2021. Untuk makluman, kes dalam kluster kategori pembuatan (kilang) merangkumi 37.7 peratus daripada jumlah kes dalam kluster yang dilaporkan.

Sekian, terima kasih.